



SERAMAI 52 peserta Program Inkubasi Usahawan Tani terpilih menyertai program.

Oleh Mohd Sabran Md Sani
sab@hmetro.com.my

Biarpun bergelar usahawan tani, gaya ditampilkan 52 peserta Program Inkubasi Usahawan Tani Universiti Putra Malaysia (UPM) 2013 cukup segar laksana tokoh korporat berjaya.

Memakai pakaian rasmi hitam merah, mereka tampak yakin dengan bidang pilihan, sekali gus mahu membuktikan sektor pertanian mampu memberi pulangan lumayan.

Mereka adalah peserta fasa kedua program itu bagi membantu melahirkan usahawan tani di kalangan generasi muda terutama graduan institusi pengajian tinggi (IPT).

Minat mendalam menceburi bidang pertanian menjadi faktor kepada pemilihan peserta terbabit yang melalui proses saringan ketat.

Daripada 300 peserta, hanya sebahagian kecil saja terpilih selepas lulus ujian psikometrik dan temu duga.

Julung kalinya mereka ditemukan secara rasmi dengan media sempena Majlis Pelancaran Program Inkubasi Usahawan Tani 2013 di Dewan Pertanian, Fakulti Pertanian di UPM Serdang, baru-baru ini.

Perasmian dilakukan Naib Canselor UPM Prof Datuk Dr Mohd Fauzi Ramlan.

Dekan Fakulti Pertanian UPM Prof Dr Abdul Shukor Juraimi berkata, Program Inkubasi Usahawan Tani berbentuk latihan dan keusahawanan selama enam bulan.

"Program ini disediakan untuk graduan dengan kelayakan minimum diploma.

"Program ini dizahirkan menerusi peruntukan disediakan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) berjumlah RM3.8 juta," katanya.

Dr Abdul Shukor berkata, objektif program itu bagi melahirkan siswa tani yang cemerlang dan berwibawa, selain bersedia melaksanakan projek pertanian sele-

52 siswa tani sahut cabaran

Sertai Program Inkubasi Usahawan Tani UPM dan bersedia laksana projek pertanian selepas tamat kursus



TIGA peserta dari Syarikat Gemilang Agrobiz Enterprise (depan) menerima Anugerah 'Best Student Enterprises 2012' anjuran KPT pada 5 Disember lalu.

FOTO: ROSDAN WAHID

pas tamat berkursus.

"Objektif lain adalah melahirkan graduan yang mempunyai atribut keusahawanan pertanian berkaitan bidang pertanian merangkumi aspek pengeluaran, pemprosesan dan perniagaan tani.

"Program ini juga 'pakatan strategik' dengan sektor awam dan swasta bagi melahirkan usahawan tani berjaya.

"Ia juga menjadi penghubung bagi penempatan graduan UPM berkaitan pertanian untuk mengikuti latihan usahawan di institusi dalam dan luar negara," katanya.

Katanya, UPM akan men-

jadi pusat rujukan sehati berkaitan pembangunan usahawan tani.

"Program ini adalah selaras dengan matlamat keempat Pelan Strategik UPM 2011- 2013 yang dilancarkan pada akhir tahun lalu.

"Matlamat itu untuk memperkasakan UPM sebagai pusat kecemerlangan pendidikan, penyelidikan dan perkhidmatan pertanian serta biosumber tropika," katanya.

Program siri pertama dilancarkan pada Februari tahun lalu mencapai matlamat selepas 35 peserta yang menyertai tiga modul menamatkan program mereka.

Katanya, daripada jumlah

itu, 16 peserta terbabit dalam bidang keusahawanan pertanian termasuk penterakan ikan tilapia, penanaman rock melon secara fertisasi dan baja kompos.

"Sebanyak lapan syarikat turut dibuka membabitkan persendirian dan perkongsian dalam kalangan peserta," katanya.

Paling membanggakan salah satu syarikat ditubuhkan iaitu Syarikat Gemilang Agrobiz Enterprise menerima Anugerah 'Best Student Enterprises 2012' anjuran KPT pada 5 Disember lalu dan menerima piala dan wang tunai RM20,000.

Katanya, semua lapan syarikat yang ditubuhkan



PESERTA memberikan penerangan mengenai hasil tanaman rock melon yang diusahakan kepada Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin.

peserta program seperti tanaman rock melon, akuakultur, ternakan ayam kampung, perkhidmatan makanan, modul perdagangan dan ekopelancongan.

"Pada masa sama, usaha memantapkan jati diri peserta dilakukan dengan mengadakan satu program 'team-building' anjuran bersama UPM dan Biro Tata Negara bermula 7 hingga 9 Januari lalu.

"Diharap program seperti ini dapat memupuk disiplin dan kerjasama dalam kalangan peserta program supaya dapat terus berjaya dan menjadi usahawan berjaya," katanya.

Pengarah Projek Inkubasi Usahawan Tani UPM, Sahbani Saimin berkata, kerjasama terjalin antara agensi kerajaan dan swasta memudahkan peserta mendapatkan modal pinjaman awal serta lokasi perniagaan.

"Sebanyak lapan syarikat menyokong projek ini dengan memberi tempat atau menyewakan tanah mereka kepada peserta atau berkongsi perniagaan," katanya.

Katanya, ada baiknya peserta kursus meneruskan proses pembelajaran dengan syarikat swasta terutama dalam mendapatkan bantuan teknikal dan pengalaman.

"Sepanjang enam bulan mengikuti modul disediakan, dua bulan daripadanya dikhususkan untuk peserta mempelajari teori berkaitan ilmu keusahawanan, pelan perniagaan dan cara membuat persembahan di depan panel.

"Mereka juga diajar mengenai skil komunikasi yang diperlukan dalam menjalin kerjasama pada masa depan," katanya.

Baki empat bulan kursus pula banyak ditumpukan kepada latihan amali.

"Sepanjang tempoh berkursus setiap peserta menerima elaun khas, RM1,000 sebulan, selain makan dan minum serta tempat penginapan," katanya.